



APLIKASI Touch n Go
yang boleh digunakan
di pusat beli-belah.

BELI-BELAH TANPA TUNAI

TNG Digital Sdn Bhd (TNG) umum bekerjasama dengan dua pusat beli-belah tersibuk di Lembah Klang, Mid Valley Megamall dan The Gardens Mall bagi membolehkan transaksi pembayaran dibuat menggunakan Touch 'n Go eWallet.

Syarikat itu juga menyasarkan untuk meluaskan penggunaan sistem itu sehingga 80 peratus rangkaian kedai di dalam kedua-dua pusat beli-belah itu menjelang tahun depan untuk memudahkan rakyat Malaysia menikmati kaedah pembayaran yang

lebih mudah dengan hanya menggunakan telefon pintar mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital Sdn Bhd, Syahrudin Samsudin berkata, pembeli kini boleh menikmati kemudahan tanpa wang tunai di destinasi beli-belah nombor satu di Malaysia sambil menerima ganjaran dan tawaran terbaik daripada jenama terkemuka ketika menggunakan perkhidmatan Touch 'n Go eWallet kami.

"Kami teruja apabila pihak pengurusan Mid Valley Megamall dan The

Gardens Mall bersetuju untuk bekerjasama dengan kami," katanya.

TNG Digital akan menawarkan tambah nilai Touch 'n Go eWallet bernilai RM4 juta bermula 17 hingga 31 Disember ini untuk pengguna yang terawal.

Dengan tiada pembelian minimum, pembeli boleh mendapatkan nombor pin tambah nilai RM10 di booth yang terletak di tingkat 3 Mid Valley Megamall (berhampiran Tealive) dan tingkat 2 The Gardens Mall (berhampiran Starbucks).